



TEUKU UMAR ILANY TEUKU ISKANDAR

LATAR BELAKANG

Seawal usia 12 tahun, beliau telah didedahkan dengan bidang seni seperti Teater, TV dan Muzik. Namun, semangat dan jiwa beliau lebih terarah ke Muzik Tradisional Gamelan sehingga beliau melanjutkan pelajarannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Muzik (Komposisi dan Gubahan) di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) pada tahun 2014.

Beliau menyatakan ASWARA adalah tempat di mana beliau didedahkan kepada unsur-unsur Seni Tradisional Melayu yang terdiri daripada Wayang Kulit, Makyung, Bangsawan, Mek Mulong dan Randai telah mempengaruhi beliau di dalam karya Kreatif Muzik.

Beliau pernah berada di bawah bimbingan Mentor dan Adiguru seperti Pak Bob Khalil, Pak Osman, Ruslan Mohd Imam, Salvadore Guerzo dan ramai lagi.

Teuku Umar pernah muncul sebagai peneraju dalam generasi baru Gamelan Melayu. Beliau juga merupakan pemenang Pemuzik Gamelan Terbaik Kontemporari di Pertandingan Gamelan Melayu negeri Terengganu. Selain itu, beliau juga pernah mengarahkan pelbagai jenis persembahan tradisional di ASWARA dan telah mengetuai Kumpulan Gamelan ASWARA dengan kerjasama Orkestra Filharmonik (MPO) Malaysia. Beliau pernah menjadi Komposer Tetap di Rhythm In Bronze iaitu

sebuah Kumpulan Gamelan Kontemporari di Malaysia dan juga merupakan pengasas bersama Gangsapura iaitu Gamelan Melayu Kontemporari.

Kini, beliau berkhidmat sebagai Pensyarah khusus dalam Muzik Tradisional Gamelan di Pusat Seni Pentas Tradisional (PuTRA) selain itu, beliau turut berperanan sebagai penggubah muzik professional.